

SYARAT DAN KRITERIA PERMOHONAN GERAN UNIVERSITI PENYELIDIKAN (RU)

1.0 SYARAT UMUM

- 1.1 Pemohon mestilah **terdiri daripada staf akademik USM** (warganegara / bukan warganegara). Bagi pemohon yang terdiri daripada staf akademik USM yang berstatus kontrak (warganegara / bukan warganegara), sekurang-kurangnya seorang penyelidik bersama mestilah terdiri daripada staf akademik USM berstatus tetap dan warganegara Malaysia.
- 1.2 Staf akademik yang sedang **bercuti sabbatical** dan **bercuti belajar** adalah **tidak layak** membuat permohonan Geran RU sehinggalah tamat tempoh bercuti sabbatical atau bercuti belajar.
- 1.3 Bagi staf akademik yang telah diluluskan Geran RU dan telah mendapat tawaran untuk bercuti sabbatical atau bercuti belajar, **penurunan kuasa** sebagai Penyelidik Utama mestilah diberikan kepada Penyelidik Bersama yang masih aktif dalam perkhidmatan sehinggalah Geran RU tersebut tamat.
- 1.4 Staf akademik berstatus Penyelidik Utama yang telah **mempunyai dua (2) Geran RU** yang berstatus aktif adalah **tidak layak** membuat permohonan sehinggalah salah satu daripada dua Geran RU atau kedua-dua Geran RU di bawah seliaannya tamat.

2.0 SYARAT KHUSUS

2.1 Geran Universiti Penyelidikan **Individu (RUI)**

- Mesti mempunyai sekurang-kurangnya **dua (2) staf akademik**
- Kadar maksimum geran adalah **RM250,000.00** bagi tempoh **maksimum 3 tahun**
- Perlu menunjukkan markah minima **KPI RU 10** dengan mengemukakan bahan bukti.

2.2 Geran Universiti Penyelidikan **Team (RUT)**

- Mesti mempunyai sekurang-kurangnya **lima (5) staf akademik**
- Kadar maksimum geran adalah **RM1,000,000.00** bagi tempoh **maksimum 4 tahun**
- Perlu menunjukkan markah minima **KPI RU 25 (markah KPI Kumpulan)** dengan mengemukakan bahan bukti.
- Mesti mempunyai elemen penyelidikan **trans-disiplin**
- *Provide people-oriented solutions to sustainability issues, wealth creation and/or bottom billion agenda are **encouraged***

2.3 Geran Universiti Penyelidikan **Cluster (RUC)**

- Ketua penyelidik yang berpengalaman dengan **rekod penyelidikan** bagi tempoh **tiga (3) tahun terkini**
- Mesti mempunyai sekurang-kurangnya **lima (5) staf akademik** termasuk Ketua Penyelidik
- Kadar maksimum geran adalah **RM5,000,000.00** bagi tempoh **maksimum 5 tahun**
- Perlu menunjukkan markah minima **KPI RU 50 (markah KPI Klaster)** dengan mengemukakan bahan bukti.
- Providing people-oriented solutions to sustainability issues, bottom billion and wealth creation agenda are **mandatory**